

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	26/08/2012

BN tambah kuat di bawah kepimpinan Najib - Dr. M

UM-26/8/2012

KUALA LUMPUR 25 Ogos — Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad berkata, kedudukan kerajaan Barisan Nasional (BN) semakin kuat di bawah kepimpinan Datuk Seri Najib Tun Razak.

Katanya, jika Perdana Menteri memberi sedikit masa sebelum mengumumkan tarikh pilihan raya umum, sokongan ke atas BN akan berjaya dipulihkan.

"Mereka (pembangkang) kata selepas 55 tahun BN memerintah, sudah sampai masa untuk berubah. Kamu perlu berubah untuk menjadi lebih baik tapi kalau berubah jadi buruk?," katanya kepada pemberita pada Rumah Terbuka beliau di Seri Kembangan, dekat sini yang dihadiri oleh kira-kira 10,000 orang termasuk Perdana Menteri..

Pada masa sekarang, pembangkang sedang menyemai perasaan benci di kalangan orang ramai terhadap kerajaan sebagai salah satu taktik mereka, kata Dr. Mahathir.

Katanya keutamaan mereka sekarang ini adalah untuk mewujudkan kebencian ke atas kerajaan dan termasuklah serangan-serangan yang dibuat ke atas dirinya sendiri walaupun tidak lagi memegang kuasa. - **BERNAMA**